

**Pulang berkhidmat di tanah air – TPM
Utusan Online
October 25, 2011
Oleh Lokman Haziq**

SINGAPURA 24 Okt. - Tan Sri Muhyiddin Yassin menyeru rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura pulang ke tanah air untuk menyumbang kepakaran dan tenaga mereka membantu negara dan anak bangsa.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kini sudah tiba masanya mereka pulang dan berbakti kepada negara dengan menyertai Talent Corp yang dilancarkan kerajaan bagi menarik profesional Malaysia di luar negara pulang bekerja di tanah air.

“Ramai yang bertanya apa yang mereka dapat jika balik ke negara, saya cakap pulang dulu lihat sendiri. Kini banyak perubahan dan peluang yang ada,” katanya semasa berucap di hadapan kira-kira 350 rakyat Malaysia yang bekerja dan belajar di Singapura sempena lawatan rasmi ke republik itu malam ini.

Beliau yang diiringi isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman dalam rangka lawatan dua hari ke Singapura bertujuan mengukuhkan hubungan dan kerjasama antara dua negara berjiran itu.

Muhyiddin berkata, rakyat Malaysia patut pulang dan melihat sendiri pembangunan yang dijalankan kerajaan dan beliau percaya mereka boleh berbuat sesuatu untuk negara.

Katanya, kerajaan turut menjalankan pelbagai transformasi pembangunan termasuk mewujudkan enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Ditanya mengenai kenapa kerajaan memansuhkan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), Muhyiddin menjelaskan, langkah itu diambil kerana menyedari ramai guru yang mengajar subjek itu tidak bersedia menggunakan bahasa tersebut.

“Kebanyakan guru tersebut belum bersedia kerana latar belakang pendidikan mereka adalah mengikuti subjek itu dalam bahasa Melayu. Kita dapati juga kebanyakan murid tidak faham apabila subjek itu diajar dalam bahasa Inggeris.

“Misalnya, masa lawatan saya ke sebuah sekolah di Seremban, apabila cikgu ajar Sains dan Matematik, murid-murid senyap apabila ditanya ada soalan atau tidak. Apabila saya tanya, mereka kata tak faham dan mereka bertanya apabila pembelajaran itu menggunakan bahasa Melayu,” katanya sambil menegaskan banyak negara seperti Jepun, Jerman dan Perancis menggunakan bahasa ibunda untuk mengajar Sains dan Matematik.

Muhyiddin esok dijadual mengunjungi Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong dan mengadakan pertemuan rakan sejawatannya, Teo Chee Hean selain berbincang dengan Menteri Pelajaran republik itu, Heng Swee Keat.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran, dijadual melawat Institut Pendidikan Teknikal, Lembaga Pelancongan Singapura dan insinirator di Tuas yang merupakan loji pelupusan sampah terbesar dan terkini di negara ini.

Turut menyertai lawatan itu ialah Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Lajim Ukin dan Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Dr. James Dawos Mamit. – utusan

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1025&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm